

28/04/1999

Peguam Negara tetap bebas

reports on "Dewan Rakyat" by Wan Hazmir Bakar; Faizal Fadzil
KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah menghalang Peguam Negara membuat sesuatu keputusan, terutama yang membabitkan seorang menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Ibrahim Ali, berkata dakwaan kononnya Dr Mahathir pernah menghalang Peguam Negara membuat keputusan mengenai seorang menteri tidak benar sama sekali.

Menurutnya, dalam melaksanakan budi bicaranya, Peguam Negara bebas dan tidak dipengaruhi oleh pertimbangan politik kerajaan atau mana-mana pihak lain.

"Sebaliknya, Peguam Negara membuat keputusan berdasarkan bukti dan keterangan yang ada serta mengambil kira kepentingan awam dan negara," katanya menjawab soalan bertulis Datuk Seri Anwar Ibrahim (Bebas-Permatang Pauh) di Dewan Rakyat hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata hakikat bahawa Peguam Negara adalah tetap bebas dalam menyempurnakan tanggungjawabnya tanpa sekatan, tidak perlu dipertikaikan.

"Peguam Negara yang selama ini sudah melaksanakan tugasnya dengan kewibawaan yang selaras dengan fungsi dan tanggungjawab ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, tidak mungkin dapat berbuat demikian jika beliau dikenakan sekatan atau tekanan oleh mana-mana pihak, termasuk kerajaan," katanya.

Dalam soalnya, Anwar meminta Perdana Menteri menyatakan bahawa Peguam Negara tetap bebas menyempurnakan tanggungjawab tanpa sekatan.

Ibrahim berkata, fungsi Peguam Negara termaktub dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, manakala fungsinya selaku Pendakwa Raya pula dalam Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah.

Menurutnya, peruntukan ini memberi Peguam Negara kuasa untuk menggunakan budi bicara beliau dalam menentukan sama ada seseorang itu harus dipertuduh di mahkamah atau sebaliknya.

"Kuasa budi bicara ini pula hanya boleh dilaksanakan selepas agensi penguat kuasa seperti polis dan Badan Pencegah Rasuah selesai menjalankan siasatan dan mengemukakan kepada Peguam Negara," katanya.

Mengenai pertanyaan Anwar apakah benar ada keputusan Peguam Negara terhadap seorang menteri ditahan oleh Perdana Menteri, Ibrahim berkata perkara itu tidak benar sama sekali.

Anwar yang dijatuhkan hukuman enam tahun penjara selepas didapati bersalah terhadap empat pertuduhan rasuah, tidak dapat menghadiri persidangan Dewan Rakyat yang berlangsung sekarang.

Ketika perbincangan kesnya, bekas timbalan perdana menteri itu menyatakan bahawa Pejabat Peguam Negara pernah mencadangkan supaya tindakan undang-undang dikenakan ke atas seorang menteri.

Bagaimanapun, menurutnya, tiada sebarang tindakan diambil sehingga hari ini.

(END)